

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG**

**[ TANJONG PIAI ]**

**SOALAN :**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang bekerjasama dengan syarikat pembekal gas semula jadi yang berkenaan untuk membangunkan bekalan gas NGV dengan pembinaan stesen-stesen gas dan penyaluran gas di kawasan Tanjong Piai demi penambahan keperluan pengangkutan awam tempatan khususnya teksi.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini tiada cadangan oleh pihak PETRONAS untuk membangunkan bekalan gas NGV dengan pembinaan stesen-stesen gas dan penyaluran gas di kawasan Tanjong Piai, Johor kerana tiada saluran penyaluran paip gas di kawasan tersebut. Buat masa ini, terdapat 32 stesen NGV di seluruh negeri Johor dan kebanyakannya terletak di kawasan bandar dan kawasan industri yang berdekatan dengan saluran paip gas. Tambahan pula, perbelanjaan subsidi NGV adalah sangat tinggi iaitu kira-kira RM600 juta pada tahun 2013 memandangkan harga NGV dijual pada 68 sen seliter berbanding dengan kos RM2.03 seliter.